

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/5/2013

Bijak-bijaklah mengundi - Dr. Mahathir

UM-5/5/2013
JERLUN 4 Mei - Rakyat di-
nasihatkan menggunakan
sepenuhnya hak mereka de-
ngan keluar mengundi esok
bagi memilih sebuah kera-
jaan yang akan mentadbir
negara ini dalam tempoh li-
ma tahun akan datang.

Bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Mohamad
berkata, setiap pengundi
berdaftar perlu membuat pi-
lihan bijak dalam menentu-
kan parti mana yang layak
memimpin berdasarkan re-
kod dan sejarah.

"Kita ada hak mengundi.
Tujuan mengundi adalah un-
tuk mendirikan kerajaan,
oleh kerana itu, bijak-bijak-
lah dalam mengundi," ka-
tanya ketika ditemui pem-
berita dalam majlis interaksi
beliau bersama Pertubu-
han-pertubuhan Cina Jerlun
di Dewan Tokong Ayer Hi-
tam di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata,
rakyat perlu menunaikan
tanggungjawab mengundi
dengan tenang tanpa dipe-
ngaruhi emosi tetapi mem-
buat pertimbangan se-
baik-baiknya tentang baik
buruk sesebuah parti yang
hendak disokong.

Kata beliau, pertimba-
ngan itu boleh dilakukan de-
ngan melihat latar belakang
dan prestasi parti tersebut
dan pengalaman lampau
yang dikutip sejak 12 pilihan
raya umum lalu.

"Apa kebaikan, apa ke-
burukan yang dapat kita li-
hat? Selepas kita buat pe-
nilaian yang semacam itu,
maka kita buat keputusan
mana satu yang terbaik dari
segi memerintah dan undilah
yang terbaik," kata beliau.